

25/03/2000

Bekalan elektrik terputus, kes liwat ditangguh

KUALA LUMPUR, Jumaat - Perbicaraan kes liwat membabitkan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Sukma Darmawan Sasmitaat Madja terhadap Azizan Abu Bakar ditangguhkan kepada Isnin ini.

Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Ariffin Jaka membuat keputusan itu selepas bekalan elektrik di bangunan Sultan Abdul Samad, tempat perbicaraan itu dijalankan terputus sejak awal pagi.

Peguam bela Sukma Darmawan, Gobind Singh Deo memberitahu pemberita penangguhan itu dibuat oleh Ariffin dalam kamarnya.

Mahkamah sepatutnya mendengar Timbalan Kanan Pendakwaraya, Datuk Abdul Gani Patail menyambung hujah balasnya sama ada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad perlu hadir ke mahkamah sebagai saksi.

Pada 9 Mac lalu, Anwar mengemukakan afidavit setebal 10 halaman yang menyatakan 19 alasan mengenai kaitan keterangan Dr Mahathir pada perbicaraan itu.

Sebelum itu, pada 18 Februari lalu, Ariffin memerintahkan pembelaan menunjukkan bahawa keterangan Dr Mahathir mempunyai kaitan dengan kes itu sebelum memanggil Perdana Menteri sebagai saksi.

Anwar, 52, dan Sukma Darmawan, 39, dituduh meliwat Azizan di unit nombor 10-7-2, pangsapuri Tivoli Villa, Jalan Medang Tanduk, Bangsar, pada satu malam jam 7.45, di antara Januari hingga Mac 1993.

Bagi tuduhan itu, Anwar dan Sukma Darmawan didakwa mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman penjara 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

Sukma Darmawan yang dihukum penjara enam bulan pada 19 September 1998 kerana membenarkan Anwar meliwatnya, juga didakwa atas tuduhan bersubahat dengan Anwar melakukan persetubuhan luar tabii dengan Azizan.

Anwar kini menjalani hukuman penjara enam tahun sejak 14 April lalu selepas didapati bersalah atas empat tuduhan melakukan amalan rasuah pada 1997.

(END)